

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA :4(B)(XXI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

12. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik minat pelancong asing 'birdwatchers' untuk melawat Negeri Pulau Pinang?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Bagi menarik minat pelancong asing *birdwatchers* untuk melawat Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- (a) **Penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur.** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sentiasa menyelenggara dan menambah baik kemudahan serta meningkatkan infrastruktur yang ada di hutan lipur, taman negeri dan kawasan rekreasi yang merupakan habitat burung. Infrastruktur jalan yang merupakan akses utama juga sentiasa dipantau dan diselenggara dengan baik.
 - (b) **Penerbitan risalah “*Birdwatching in Penang*”.** Kerajaan Negeri telah menerbitkan risalah “*Birdwatching in Penang*” yang menyenaraikan spesies burung serta lokasi di mana burung tersebut sering dijumpai di Pulau Pinang. Penerbitan ini membantu peminat burung mengenali spesies burung di samping memaklumkan *do’s and dont’s* semasa *birdwatching*. Risalah ini juga digunakan dalam pameran pelancongan bagi mempromosi Pulau Pinang kepada pelbagai lapisan pelancong.

- (c) **Penganjuran kursus *Birdwatching*.** Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kursus Pengenalan Aktiviti *Birdwatching* pada tahun 2016 di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam. Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan asas kepada pegawai dan kakitangan agensi kerajaan, pengurus *homestay* dan masyarakat setempat mengenai spesies-spesies burung yang terdapat di Pulau Pinang khususnya di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Seberang Perai Utara. Melalui kursus ini juga, pihak pengurusan hutan rekreasi dan pengurus pelancong dapat mendalami aktiviti *birdwatching* dan seterusnya berupaya untuk mendidik dan menarik minat lebih ramai orang dalam aktiviti *birdwatching*.